

**ANALISIS PANDANGAN ILMUWAN KLASIK TATABAHASA ARAB
TERHADAP KATA KERJA POLA *INFAA'LA*
ANALYSIS OF THE VIEWS OF CLASSICAL ARABIC GRAMMAR
SCHOLARS ON *INFAA'LA* VERB PATTERN**Muhammad Hatta Shafri^{1*}, Fudzla Suraiyya Abdul Raup², Nasirah Ismail³¹ Pensyarah Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Shah Alam, muhammadhatta@uitm.edu.my² Pensyarah Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Shah Alam, fudzlasuraiyya@uitm.edu.my³ Pensyarah Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Shah Alam, nasirah@uitm.edu.my.

*Penulis penghubung

Artikel diterima: 04 April 2021

Selepas Pembetulan: 09 Mei 2021

Diterima untuk terbit: 25 Mei 2021

Abstrak

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan yang bertujuan untuk mengetahui pandangan yang dikemukakan oleh para ilmuwan klasik tatabahasa Arab tentang ciri-ciri kata kerja pola *'infa'ala* dan menganalisis kata kerja pola *'infa'ala* yang terdapat di dalam kamus *Mu'jam 'Arabiyy 'Asāsiyy* berdasarkan ciri-ciri yang dinyatakan oleh ilmuwan klasik tatabahasa Arab. Kajian mendapati majoriti ilmuwan klasik tatabahasa Arab menetapkan bahawa *'aghlab* (kebanyakan) pola *'infa'ala* menunjukkan makna *muṭāwa'ah* iaitu kesan bagi sesuatu perbuatan yang dilakukan oleh pelaku. Selain itu, mereka menetapkan bahawa pola *'infa'ala* mestilah kata kerja tak transitif (fi'l lāzim). Di samping itu, mereka juga menyatakan bahawa pola ini menunjukkan kesan perbuatan kata kerja pola *fa'ala* yang mempunyai huruf dasar yang sama dengannya. Dalam pada itu, terdapat ilmuwan yang menyatakan bahawa kebanyakan huruf *fā'* binaan pola *'infa'ala* tidak terdiri daripada huruf *wāw*, *lām*, *nūn* dan *rā'* kerana huruf-huruf tersebut akan menyebabkan berlaku proses *idghām* (asimilasi bunyi) dengan huruf *nūn* dalam pola *'infa'ala*. Sekiranya terdapat contoh kata kerja pola *'infa'ala* yang tidak selari dengan pendapat-pendapat tersebut, mereka mengkategorikannya sebagai perkara yang *shāz* (ganjil) atau *nadir* (jarang berlaku). Namun, ia tidak disokong dengan angka yang jelas bagi menerangkan tahap *'aghlab* (majoriti), *shāz* (ganjil) atau *nadir* (jarang berlaku) bagi ciri-ciri pola tersebut. Hasil kajian menemukan sebanyak 203 kata kerja pola *'infa'ala* di dalam kamus *Mu'jam 'Arabiyy 'Asāsiyy*. Semua kata kerja tersebut dianalisis secara statistik sebagai cara terbaik bagi mendapatkan jumlah peratusan setiap ciri-ciri bagi pola *'infa'ala* dan menjelaskan ciri-ciri sebenar pola tersebut.

Kata kunci*'infa'ala*, pola, kata kerja, *wazn*, morfologi, *ṣarf*, bahasa arab**Abstract**

This study is a qualitative study with a content analysis design which aims to find out the views expressed by the classical scholars of Arabic grammar on the characteristics of the 'infa'ala verb pattern and analyze verbs found in Mu'jam 'Arabiyy 'Asāsiyy dictionary with this pattern. Many grammarians state that most of 'infa'ala verb pattern indicates the meaning of muṭāwa'ah, which is the effect of something done by the performer. Moreover, they say that the 'infa'ala verb pattern must be an intransitive verb and derived from the fa'ala verb pattern which means

the verb must come from the same basic letters. Meanwhile, there are scholars who state that the letter *fa* in the *'infa'ala* pattern does not comprise the letters *wāw*, *lām*, *nun*, and *rā'* as these letters will cause the process of *idghām* (sound assimilation) with the letters *nūn* in the *'infa'ala* pattern. If there are verbs in *'infa'ala* patterns that are not in line with those views mentioned, they categorize them as *shāz* (odd), or *nadir* (rare) matter. As these categorizations were not supported by clear numbers, this study comes with the statistical analysis as a significant way to obtain the total percentage of each degree of *'aghlab* (majority), *shāz* (odd), or *nadir* (rare) and explain the special features of the pattern. This study found as many as 203 verbs with the *'infa'ala* pattern in the *Mu'jam 'Arabiy 'Asāsiy* dictionary. All these verbs were analyzed statistically as the best way to obtain the total percentage of each feature for the *'infa'ala* pattern and explain the actual features of it.

Keywords

'infa'ala, pattern, verb, *wazn*, morphology, *ṣarf*, arabic language

1.0 Pengenalan

Morfologi adalah salah satu cabang ilmu linguistik am. Ia merupakan salah satu daripada peringkat penting dalam proses menganalisis bahasa. Proses tersebut menyebabkan semua bahasa di dunia tidak dapat lari daripada terkait secara terus dengan perbincangan ilmu morfologi termasuklah bahasa Arab. Ilmuwan linguistik Arab antaranya Šāhīn (1982), 'Al-Šāyib (1999), dan 'Al-Khūlī (2000) telah menggariskan empat peringkat utama yang terlibat dalam proses analisis bahasa. Empat peringkat tersebut adalah fonetik dan fonologi (*ṣawṭiy*), morfologi (*ṣarfīy*), sintaksis (*naḥwīy*) dan semantik (*dilāliyy*). Ilmu morfologi dikenali dalam kalangan ilmuwan Arab sebagai *'al-ṣarf* atau *'al-taṣrīf*.

'Ibn 'Uṣfūr (M 669H) dalam kitabnya 'al-Mumti' mentakrifkan ilmu *ṣarf* sebagai satu ilmu untuk mengetahui perihal perkataan secara individual tanpa terikat dengan struktur ayat. Beliau membahagikan ilmu *ṣarf* kepada dua bahagian, iaitu perubahan pola perkataan yang melibatkan perubahan makna dan perubahan pola perkataan yang tidak melibatkan perubahan makna disebabkan faktor-faktor lain seperti pengaruh bunyi dan undang-undang suku kata bahasa Arab. Perubahan pola perkataan untuk membentuk makna-makna tertentu adalah seperti *taḍarraba*, *ḍarraba*, *ḍaraba* dan *taḍāraba*. Perkataan-perkataan tersebut mengandungi huruf dasar yang sama iaitu *ḍāḍ*, *rā'*, dan *bā'* yang terbentuk daripada pelbagai pola dan menunjukkan makna yang berbeza. Manakala perubahan pola perkataan tanpa mengubah sebarang maknanya adalah seperti perkataan *qawala* yang berubah menjadi *qāla* di mana sekiranya perkataan *qawala* masih digunakan, ia tidak mempunyai sebarang perbezaan makna dengan *qāla*. Perubahan tersebut berlaku disebabkan faktor-faktor lain seperti pengaruh bunyi dan undang-undang suku kata bahasa Arab.

'Ibn 'al-Ḥāḥib (M 646H) pula mentakrifkan ilmu *ṣarf* sebagai satu ilmu usul atau asas untuk mengetahui keadaan-keadaan binaan perkataan yang bukan berkaitan dengan 'i'rāb. Ilmu ini mengandungi sekumpulan kaedah umum yang mengkaji perkataan dari segi pola dan bukan dari segi hubungan kait dengan perkataan lain. 'Al-Raḍīy (M 688H) telah mensyarahkan takrifan yang diberikan oleh 'Ibn al-Ḥāḥib dengan menyatakan bahawa perkataan 'usul' atau 'asas' merujuk kepada undang-undang induktif iaitu terdapat satu teori tertentu yang dipraktikkan terhadap elemen di dalam kajian. Contohnya, "setiap huruf *wāw* dan *yā'* yang berbaris dan sebelumnya huruf berbaris

fathāh, maka ia akan bertukar menjadi huruf 'alīf." 'Al-Raḍīy turut menjelaskan maksud 'pola perkataan' dalam takrifan oleh 'Ibn al-Ḥāḥib sebagai *wazn* (pola), *ṣiḡḥah* (bentuk) dan *ḥay'ah* (keadaan) bagi perkataan-perkataan dari segi bilangan huruf dan jenis *ḥarakah* (baris) serta mengambil kira kata dasar dan imbuhan. 'Al-Raḍīy juga berpendapat bahawa baris pada huruf terakhir pada perkataan tidak termasuk dalam pola perkataan yang dikaji dalam ilmu *ṣarf*. Contohnya, perkataan *rajulan*, *rajulun* dan *rajulin* merupakan perkataan-perkataan yang mempunyai pola yang sama iaitu *fa'ul*. Hal ini kerana baris akhir pada tiga-tiga perkataan tersebut tidak dikira sebahagian daripada pola perkataan, bahkan ia merupakan perubahan yang berlaku kesan daripada hubung kait antara perkataan dengan perkataan yang lain di dalam struktur ayat.

Oleh itu, 'Al-Raḍīy berpendapat bahawa tiada keperluan untuk menambah "...yang bukan berkaitan dengan 'i'rāb" pada takrifan yang diberikan oleh 'Ibn al-Ḥāḥib kerana binaan perkataan tidak mengambil kira keadaan akhir perkataan. Di samping itu, 'i'rāb merupakan perkara yang melibatkan huruf terakhir pada perkataan. Maka ia tidak termasuk dalam keadaan pola bagi perkataan yang dikaji dalam ilmu *ṣarf*. 'Al-Raḍīy telah mengakhiri syarahnya dengan menambah dua takrifan lain bagi ilmu *ṣarf*, iaitu:

- 1) Ilmu *ṣarf* merupakan ilmu yang menekankan sudut amali atau praktikal yang berkaitan dengan konjugasi perkataan bagi memenuhi keperluan bahasa semasa dengan mencipta perkataan yang tidak didengari penggunaannya oleh bangsa Arab sebelum itu dengan menggunakan pola sedia ada.
- 2) Ilmu *ṣarf* merupakan ilmu berkaitan pola perkataan di mana ia mengkaji kata dasar dan imbuhan bagi perkataan. Selain itu, ia juga mengkaji keadaan *ḥazf* iaitu penguguran huruf atau baris, huruf *ṣaḥīḥ* dan *'illah* yang terdapat pada perkataan, *'idghām*, *'imālah*, dan perkara-perkara yang berkaitan keadaan akhir bagi perkataan selain daripada *'i'rāb* dan *binā'*. Keadaan-keadaan tersebut dikenali sebagai *'al-'i'lāl*, *'al-'ibdāl* dan *'al-qalb 'al-makāniy*.

Takrifan yang diberikan oleh 'Al-Raḍīy telah memberi kesan kepada ilmuwan-ilmuwan bahasa Arab selepasnya, antaranya 'Ibn 'Aqīl (M 769H) yang menyatakan bahawa *taṣrīf* adalah satu ungkapan yang menerangkan tentang ilmu yang mengkaji hukum berkaitan pola perkataan bahasa Arab dan hal-hal berkaitan huruf perkataan tersebut dari segi kata dasar, imbuhan, *ṣaḥīḥ*, *'i'lāl* dan yang seumpama dengannya. 'Al-Suyūṭī (M 911H) pula membincangkan pembahagian *taṣrīf* dari segi bahasa dan istilah. *Taṣrīf* dari segi bahasa ialah perubahan daripada satu keadaan kepada keadaan yang lain. Ia merupakan kata terbitan bagi kata kerja *ṣarrafa* yang membawa maksud perubahan kepada pelbagai sudut yang berbeza. Kemudian 'al-Suyūṭī menyatakan dalam kitabnya 'al-Taṣhīl bahawa *taṣrīf* dari segi istilah ilmuwan Arab membawa maksud satu ilmu yang berkaitan binaan perkataan dan hal-hal berkaitan huruf perkataan tersebut dari segi kata dasar, imbuhan, *ṣaḥīḥ*, *'i'lāl* dan yang seumpama dengannya; sama dengan takrifan yang diberikan oleh 'Ibn 'Aqīl sebelumnya. Takrifan tersebut turut diikuti oleh 'Aṣmūniy (M 929H) yang datang selepasnya.

Berdasarkan takrifan oleh ilmuwan-ilmuwan klasik tatabahasa Arab yang telah dinyatakan, perubahan pola perkataan yang melibatkan perubahan makna boleh dilihat dari beberapa sudut. Abābanah (2016) membahagikannya kepada lima

bahagian iaitu *jāmid wa muštaq* (derivasi), *mujarrad wa mazīd* (kata dasar dan berimbuhan), *ṣīghah: māḍī, muḍarī*, dan *ʿamr* (bentuk), *zaman: māḍī, hāl*, dan *muṣtaqḅāl* (masa) serta *naw' al-binyah: ṣaḥīḥ wa mu'tal* (jenis huruf). Dari segi kata dasar dan berimbuhan, kata kerja dikelaskan mengikut bilangan huruf kata dasar dan imbuhan. (Muhammad, 2014) membahagikannya kepada empat jenis iaitu kata kerja tiga huruf dasar, kata kerja tiga huruf dasar dengan imbuhan, kata kerja empat huruf dasar dan kata kerja empat huruf dasar dengan imbuhan. Perbezaan bilangan huruf dasar tanpa atau dengan imbuhan inilah yang membentuk pola-pola yang dikenali sebagai *wazn*. Al-Hamalāwī (2012) menyenaraikan terdapat lebih daripada 30 pola kata kerja yang wujud dalam bahasa Arab. Pola-pola tersebut boleh dibahagikan kepada dua bahagian berdasarkan keperluan kata kerja kepada objek atau tidak bagi melengkapkan maknanya. Sekiranya kata kerja tersebut menunjukkan penyifatan terhadap pelaku dengan sifat-sifat tertentu atau pelaku melakukan perbuatan tersebut dengan sendiri tanpa memerlukan objek untuk melengkapkan maknanya, ia dinamakan sebagai *fi'l lāzim* iaitu kata kerja tak transitif. Manakala kata kerja yang memerlukan objek sebagai pelengkap maknanya, ia dikenali sebagai *fi'l muta'addī* iaitu kata kerja transitif (Zaki 2015). Dalam bahasa Arab, ia boleh dipecahkan pula kepada tiga bahagian, iaitu kata kerja yang memerlukan satu objek, kata kerja yang memerlukan dua objek, kata kerja yang memerlukan tiga objek (Mughalash 2007; 'Atif, 2010). Pola yang pelbagai ini berfungsi untuk menerangkan kepelbagaian kejadian terhadap perbuatan yang dilakukan oleh pelaku dan *'infa'ala* merupakan salah satu daripada pola-pola tersebut.

2.0 Pandangan Ilmuwan Klasik Tatabahasa Arab terhadap Kata Kerja Pola 'infa'ala

Pola kata kerja telah dibincangkan dalam kalangan ilmuwan bahasa Arab terdahulu hingga kini di dalam pelbagai karya penulisan mereka. Ia telah dibincangkan sejak lebih daripada sepuluh abad yang lalu bermula dari zaman sarjana agung bahasa Arab; Abū Bishr 'Amr ibn Uthmān ibn Qanbar Al-Baṣrī yang lebih dikenali sebagai Sībawayh di dalam bukunya *Al-Kitāb*. Kemudian diikuti oleh para sarjana yang muncul selepas zamannya sehingga hari ini.

Sībawayh (M 185H) di dalam kitabnya telah menyebutkan pola-pola kata kerja yang terdapat dalam bahasa Arab sama ada pola kata kerja *mujarrad* (kata dasar) mahupun pola kata kerja *mazīd* (berimbuhan). Antara pola tersebut ialah pola *'infa'ala*. Sībawayh pada awalnya telah menyebut perihal pola kata kerja *'infa'ala* di dalam bab "*Pola yang membawa makna muṭāwa'ah (kesan sesuatu perbuatan) akibat kata kerja pola (fa'ala) iaitu pola 'infa'ala dan 'ifta'ala.*" Bab tersebut menerangkan pola *'infa'ala* dan *'ifta'ala* yang membawa makna kesan sesuatu perbuatan yang dilakukan oleh *fā'il* (pelaku) terhadap *maf'ūl bih* (objek). Kata dasar bagi kata kerja yang menunjukkan kesan sesuatu perbuatan mempunyai persamaan dengan kata kerja tiga huruf dasar dengan pola *fa'ala* yang dilakukan oleh pelaku. Beliau telah memberikan beberapa contoh yang menerangkan konteks *muṭāwa'ah* seperti "*kassartuhu fa 'inkasara*" (aku telah memecahkannya, maka ia pecah). Contoh tersebut menerangkan hasil perbuatan pelaku memecahkan sesuatu benda menyebabkan ia pecah. Hasil perbuatan pelaku terhadap benda tersebut dinamakan sebagai *muṭāwa'ah*.

Selain itu, beliau turut menyatakan bahawa terdapat juga pola *'infa'ala* yang tidak mempunyai huruf dasar daripada pola *fa'ala* seperti "*ṭaradtuhu fa ḍahaba*" (aku telah

menghalaunya, maka ia pergi). Maka, pola lain akan digunakan untuk menunjukkan makna *muṭāwa'ah* bagi menggantikan pola 'infa'ala. Hal ini kerana kata kerja 'inṭarada – contohnya – tidak ada di dalam bahasa Arab untuk menerangkan perihal *muṭāwa'ah*. Di samping itu, Sībawayh turut menjelaskan berkaitan pola 'infa'ala di dalam bab “perkara yang kamu tidak boleh lakukannya.” Bab ini menerangkan tentang kata kerja *lāzim* (tak transitif) iaitu kata kerja yang tidak boleh menerima objek di mana pola 'infa'ala merupakan salah satu daripadanya.

Al-Mubarrid (M 285H) pula mengelaskan pola 'infa'ala sebagai salah satu kata kerja yang mempunyai makna *muṭāwa'ah*. Ini menunjukkan terdapat pola lain yang boleh menunjukkan makna *muṭāwa'ah*. Ibn Jinniy (M392H) selain daripada menyatakan bahawa pola 'infa'ala menunjukkan makna *muṭāwa'ah*, beliau juga telah membahagikan objek yang menerima kesan perbuatan pelaku kepada dua bahagian iaitu objek yang boleh melakukan kesan perbuatan pelaku itu sendiri dan objek yang tidak boleh melakukan kesan perbuatan itu dengan sendiri. Contohnya adalah seperti berikut :

- 1) Objek yang boleh melakukan kesan perbuatan pelaku: “*'atlaqtuhu fa 'inṭalaqa*” (aku telah membebaskannya, maka ia pergi).

Penerangan: Objek (sesuatu yang dibebaskan) dalam ayat tersebut boleh melakukan perbuatan 'pergi' dengan sendiri.

- 2) Objek yang tidak boleh melakukan kesan perbuatan pelaku: “*qata'tu al-habl fa inqata'a*” (aku memotong tali, maka tali itu terputus).

Penerangan: Objek (tali) dalam ayat tersebut tidak boleh melakukan perbuatan 'putus' dengan sendiri.

Ibn Ya'tīs (M 643H) menyatakan bahawa pola 'infa'ala adalah binaan kata kerja yang membawa makna *muṭāwa'ah*, mempunyai usul tiga huruf daripada pola fa'ala dan merupakan kata kerja tak transitif. Beliau turut menambah ciri-ciri pola 'infa'ala dengan menyatakan bahawa pola tersebut perlu bersifat 'ilājiy iaitu kata kerja tersebut boleh dilakukan dan mempunyai pergerakan atau boleh dilihat dengan mata kasar. 'Al-Jurjāniy (M 186H) mentakrifkan *fi'l 'ilājiy* sebagai perbuatan yang memerlukan pergerakan seperti memukul dan mengutuk. Al-Rādiy (M 686H) menambah bahawa kebanyakan huruf fā' binaan pola 'infa'ala tidak terdiri daripada huruf wāw, lām, nūn dan rā' kerana huruf-huruf tersebut akan menyebabkan berlaku proses *idghām* (asimilasi bunyi) dengan huruf nūn dalam pola 'infa'ala. Al-Hamalāwiy (M 1351H) juga menegaskan bahawa pola 'infa'ala hanya bersifat tak transitif dan hanya melibatkan kata kerja yang boleh dilakukan dan boleh dilihat pergerakannya. Di samping itu, beliau menyatakan pola tersebut kebiasaannya menunjukkan kesan sesuatu perbuatan daripada pola kata kerja tiga huruf. Namun, terdapat juga pola-pola selainnya dalam kuantiti yang tidak banyak yang boleh menunjukkan makna *muṭāwa'ah* pada pola 'infa'ala seperti “*'atlaqtuhu fa 'inṭalaqa*” (aku telah membebaskannya, maka ia pergi). Sekiranya terdapat contoh-contoh kata kerja pola 'infa'ala yang tidak selari dengan pendapat-pendapat yang telah dinyatakan, ilmuwan klasik tatabahasa Arab akan mengkategorikannya sebagai perkara yang *shāz* (ganjil) atau *nadir* (jarang berlaku).

Kesimpulannya, majoriti ilmuwan klasik tatabahasa Arab menetapkan bahawa kebanyakan pola *'infa'ala* menunjukkan makna *muṭāwa'ah* iaitu kesan bagi sesuatu perbuatan yang dilakukan oleh pelaku terhadap objek. Selain itu, mereka menetapkan bahawa pola *'infa'ala* mestilah kata kerja tak transitif. Di samping itu, mereka juga menyatakan bahawa pola ini menunjukkan kesan perbuatan kata kerja pola fa'ala yang mempunyai huruf dasar yang sama dengannya. Sementara itu, terdapat ilmuwan yang menyatakan bahawa pola ini juga perlu bersifat *'ilājiyy* iaitu kata kerja tersebut boleh dilakukan dan mempunyai pergerakan atau boleh dilihat dengan mata kasar. Dalam pada itu, kebanyakan huruf pertama kata dasar bagi kata kerja pola *'infa'ala* tidak terdiri daripada huruf wāw, lām, nūn dan rā' kerana huruf-huruf tersebut akan menyebabkan berlaku proses idghām (asimilasi bunyi) dengan huruf nūn dalam pola *'infa'ala*. Sekiranya terdapat contoh kata kerja pola *'infa'ala* yang tidak selari dengan pendapat-pendapat tersebut, mereka mengkategorikannya sebagai perkara yang *shāz* (ganjil) atau *nādir* (jarang berlaku) tanpa menyatakan jumlah tertentu untuk penggolongan tersebut.

3.0 Objektif kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk :

1. mengenal pasti pandangan yang dikemukakan oleh para ilmuwan klasik tatabahasa Arab tentang ciri-ciri kata kerja pola *'infa'ala*.
2. menganalisis kata kerja pola *'infa'ala* yang terdapat di dalam kamus *Mu'jam 'Arabiyy 'Asāsiyy* berdasarkan ciri-ciri yang dinyatakan oleh ilmuwan klasik tatabahasa Arab.

4.0 Persoalan kajian

Berdasarkan objektif yang telah dinyatakan, maka kajian ini dilakukan bagi menjawab persoalan yang berikut :

1. Apakah pandangan yang dikemukakan oleh para ilmuwan klasik tatabahasa Arab tentang ciri-ciri kata kerja pola *'infa'ala*?
2. Sejauh manakah kata kerja pola *'infa'ala* yang terdapat di dalam kamus selari dengan ciri-ciri yang dinyatakan oleh ilmuwan klasik tatabahasa Arab?

5.0 Metodologi kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan. Analisis dijalankan terhadap kata kerja pola *'infa'ala* yang terdapat di dalam kamus *Mu'jam 'Arabiyy 'Asāsiyy*. Kata kerja-kata kerja tersebut dikaji mengikut ciri-ciri yang telah dinyatakan oleh ilmuwan klasik tatabahasa Arab. Hal ini kerana ciri-ciri yang dinyatakan tidak disokong dengan bukti yang jelas bagi menerangkan tahap 'kebanyakan', 'ganjil' atau 'jarang'. Justeru, analisa secara statistik terhadap kata kerja pola *'infa'ala* yang terdapat dalam kamus dilihat sebagai cara terbaik untuk menyelesaikan masalah ini.

6.0 Analisis Kata Kerja Pola *'infa'ala* yang Terdapat di dalam Kamus

Hasil kajian menemukan sebanyak 203 kata kerja pola *'infa'ala* di dalam kamus *Mu'jam 'Arabiyy 'Asāsiyy*. Berikut merupakan pecahan kata kerja pola *'infa'ala* mengikut huruf pertama kata dasar bagi kata kerja-kata tersebut :

Jadual 1: Pecahan kata kerja pola *'infa'ala* berdasarkan huruf pertama kata dasar kata kerja

Huruf	Bilangan	Peratus (%)	Huruf	Bilangan	Peratus (%)
Hamzah (ء)	0	0	Ḍād (ض)	5	2.46
Bā' (ب)	14	7.39	Ṭā' (ط)	10	4.93
Tā' (ت)	0	0	Zā' (ظ)	1	0.49
Thā' (ث)	5	2.46	'ayn (ع)	10	4.93
Jīm (ج)	7	3.45	Ghayn (غ)	7	3.45
Ḥā' (ح)	13	6.90	Fā' (ف)	27	13.30
Khā' (خ)	8	3.94	Qāf (ق)	14	6.90
Dāl (د)	14	7.39	Kāf (ك)	7	3.45
Dzāl (ذ)	2	0.99	Lām (ل)	0	0
Rā' (ر)	0	0	Mīm (م)	3	1.48
Zāy (ز)	8	3.94	Nūn (ن)	0	0
Sīn (س)	18	8.87	Hā' (هـ)	9	4.43
Ŝīn (ش)	12	5.91	Wāw (و)	0	0
Şād (ص)	6	2.96	Yā' (ي)	0	0

Jadual 1 menunjukkan bahawa kata dasar yang bermula dengan huruf fā' bagi kata kerja pola *'infa'ala* mempunyai bilangan terbesar iaitu sebanyak 27 (13.30%) kata kerja diikuti dengan huruf sīn sebanyak 18 (8.87%) kata kerja. Manakala huruf bā', dāl dan qāf masing-masing mempunyai 14 (7.39%) kata kerja dan huruf ḥā' serta huruf ŝīn masing-masing mempunyai 13 (6.90%) dan 12 (5.91%) kata kerja. Huruf-huruf lain iaitu thā', jīm, khā', dzāl, zāy, şād, ḍād, thā', zā', 'ayn, ghayn, kāf, mīm dan hā' mempunyai jumlah 10 atau kurang ($\leq 4.93\%$) kata kerja. Tiada kata dasar bagi kata kerja pola *'infa'ala* yang bermula dengan huruf wāw, lām, nūn dan rā' seperti yang dinyatakan oleh ilmuwan klasik tatabahasa Arab.

Selain itu, kajian mendapati kata kerja pola *'infa'ala* juga tidak dimulakan dengan huruf hamzah, tā' dan yā'. Ia menjadikan jumlah keseluruhan huruf pertama kata dasar yang tidak ada kata kerja pola *'infa'ala* sebanyak tujuh huruf. Walaubagaimanapun, sebab ketiadaan kata dasar bagi kata kerja pola *'infa'ala* yang bermula dengan huruf hamzah, tā' dan yā' tidak diketahui kerana ilmuwan klasik tatabahasa Arab hanya menyatakan bahawa ketiadaan huruf wāw, lām, nūn dan rā' tidak ada adalah disebabkan huruf-huruf tersebut akan menyebabkan berlaku proses *idghām* (asimilasi bunyi) dengan huruf nūn dalam pola *'infa'ala*. Namun, kajian menemukan tiga kata kerja yang bermula dengan huruf mīm dan berlaku asimilasi bunyi dengan huruf nūn dalam pola *'infa'ala* iaitu *'immaḥaqa* (asal : *'inmaḥaqa*), *'immaḥā* (asal : *'inmaḥā*) dan *'immasaḥa* (asal : *'inmasaḥa*).

Jadual 2: Pecahan kata kerja pola *'infa'ala* berdasarkan makna *mutāwa'ah*

Jenis kata kerja	Bilangan	Peratus (%)
1) <i>Muṭāwi' fa'ala</i> disebutkan secara jelas (Pola <i>'infa'ala</i> menunjukkan kesan perbuatan kata kerja pola <i>fa'ala</i> yang mempunyai huruf dasar yang sama.)	18	8.87
2) <i>Muṭāwi' fa'ala</i> tidak disebutkan secara jelas. (Pola <i>'infa'ala</i> menunjukkan kesan perbuatan kata kerja pola <i>fa'ala</i> yang mempunyai huruf dasar yang sama namun tidak dinyatakan dalam takrif.)	138	67.98
3) <i>Ghayr Muṭāwi' fa'ala</i> (Pola <i>'infa'ala</i> menunjukkan kesan perbuatan kata kerja yang tidak mempunyai huruf dasar yang sama.)	44	21.67
4) Bukan <i>mutāwa'ah</i> (Pola <i>'infa'ala</i> langsung tidak menunjukkan makna kesan atau hasil perbuatan pelaku terhadap objek.	3	1.48

Jadual 2 menunjukkan pembahagian kata kerja pola *'infa'ala* berdasarkan maknanya sama ada menunjukkan makna *mutāwa'ah* atau tidak. Kajian terhadap kata kerja pola *'infa'ala* yang terdapat di dalam kamus *Mu'jam 'Arabiy 'Asāsiy* mendapati terdapat tiga jenis perincian makna *mutāwa'ah*. 18 (8.87%) kata kerja pola *'infa'ala* ditakrifkan secara jelas sebagai *mutāwa'ah* terhadap kata kerja tiga huruf dasarnya (*fa'ala*). Contohnya adalah seperti berikut :

- 1) *'inṭaḥana* : *muṭāwi' ṭaḥana*

- 2) 'indassa : muṭāwi' dassa
3) 'in'aṣama : muṭāwi' aṣama

Manakala sebanyak 138 (67.98%) kata kerja pola 'infa'ala tidak dinyatakan secara jelas sebagai *mutāwa'ah* terhadap kata kerja tiga huruf dasarnya (*fa'ala*) tetapi boleh membawa maksud yang sedemikian. Hasil tersebut diperolehi oleh pengkaji dengan cara merujuk laman sesawang <https://www.almaany.com> – yang menghimpunkan daftar kata daripada beberapa kamus bahasa Arab yang lain – untuk mengesahkan sekiranya terdapat takrifan lain bagi kata kerja-kata kerja yang tidak dinyatakan secara jelas sebagai *mutāwa'ah* terhadap kata kerja tiga huruf dasarnya (*fa'ala*) di dalam kamus *Mu'jam 'Arabiyy 'Asāsiyy*. Selain itu, pengkaji juga menguji kata kerja-kata kerja tersebut sekiranya boleh menunjukkan makna *mutāwa'ah* terhadap kata kerja tiga huruf dasarnya (*fa'ala*) melalui cara meletakkannya di dalam ayat dengan padanan kata kerja tiga huruf dasarnya (*fa'ala*) seperti contoh yang diberikan oleh ilmuwan klasik tatabahasa Arab. Contoh penemuan daripada laman sesawang *almaany* dan ujian makna adalah seperti jadual 3 di bawah :

Jadual 3: Contoh carian laman sesawang *almaany* dan ujian makna

Kata kerja	Laman sesawang <i>almaany</i>	Ujian makna
1) 'inṣarama	tiada	ṣarama fulān al-ṣay', fa 'inṣarama (al-ṣay')
2) 'in'aṣara	'in'aṣara al-ṣay' : muṭāwi' aṣara	aṣara fulān al-fākihah, fa 'in'aṣara (al-fākihah)

Melalui carian di laman sesawang *almaany* dan proses ujian makna yang dijalankan juga mendapati 44 (21.67%) kata kerja pola 'infa'ala tidak boleh menunjukkan makna *mutāwa'ah* terhadap kata kerja tiga huruf dasarnya (*fa'ala*) tetapi boleh menunjukkan makna *mutāwa'ah* terhadap kata kerja lain sama ada dengan dasar tiga huruf atau berimbunan. Hal ini sama ada kerana kata kerja huruf dasarnya (*fa'ala*) menunjukkan makna yang berbeza dan tidak sepadan dengan makna pola 'infa'ala atau tiada kata kerja tiga huruf dasar (*fa'ala*) bagi pola 'infa'ala. Contohnya adalah seperti jadual 4:

Jadual 4: Contoh carian laman sesawang *almaany* dan ujian makna bagi kata kerja pola 'infa'ala yang tidak boleh menunjukkan makna *mutāwa'ah* terhadap kata kerja tiga huruf dasarnya (*fa'ala*)

Kata kerja	Laman sesawang <i>almaany</i>	Ujian makna	Penerangan
1) 'in'adama	'in'adama al-'amn : muṭāwi' 'adima	'adima fulān al- ṣay', fa 'in'adama (al- ṣay')	Tiada kata kerja tiga huruf dasar (<i>fa'ala</i>) bagi pola 'infa'ala. Namun terdapat kata kerja 'adima (<i>fa'ila</i>).

- 2) *'inthaqaba* *'inthaqaba* : Kharāqa *fulān* Kata kerja tiga
'inkharaqa *al-thawb,* *fa* huruf dasar
'inthaqaba *'inthaqaba* (*fa'ala*) bagi pola
'infa'ala ialah
thaqaba. Namun
ia menunjukkan
makna yang tidak
sepadan dengan
'inthaqaba.

Kajian turut menemukan 3 (1.48%) kata kerja pola *'infa'ala* yang tidak boleh menunjukkan makna *mutāwa'ah*. Kata kerja-kata kerja tersebut adalah *'inbaghā*, *'inhalla*, dan *inhamala*. Jadual 4 menerangkan sebab menghalang makna *mutāwa'ah* bagi kata kerja-kata kerja tersebut :

Jadual 4 : Kata kerja pola *'infa'ala* yang tidak boleh menunjukkan makna *mutāwa'ah*.

Kata kerja	Sebab menghalang <i>mutāwa'ah</i>
<i>'inbaghā</i>	Kata kerja yang membawa maksud suruhan atau galakan seperti 'mestilah' dan 'haruslah'.
<i>'inhalla</i> dan <i>inhamala</i>	Kata kerja yang membawa maksud 'mengalir dengan banyak' atau 'turun dengan lebat'. Kebiasaannya ia berkaitan dengan hujan, langit, awan, mata atau air mata. Perkara-perkara tersebut tidak terkesan dengan sesuatu yang lain kerana ia berkaitan dengan kuasa Allah (hujan, langit dan awan) dan perasaan (mata dan air mata).

Hasil kajian berdasarkan jadual 5 mendapati bahawa semua kata kerja pola *'infa'ala* yang terdapat di dalam kamus *Mu'jam 'Arabiyy 'Asāsiyy* berbentuk kata kerja tak transitif. Hal ini menyokong pendapat yang diutarakan oleh ilmuwan-ilmuwan klasik tatabahasa Arab bahawa pola *'infa'ala* hanya digunakan dalam keadaan *lāzim* atau tak transitif. Oleh itu, tiada objek diperlukan untuk melengkapkan makna yang hendak disampaikan melalui sesebuah kata kerja pola tersebut.

Jadual 5: Pecahan kata kerja pola *'infa'ala* berdasarkan keperluan kata kerja kepada objek atau tidak bagi melengkapkan maknanya

Jenis kata kerja	Bilangan	Peratus (%)
1) <i>Lāzim</i> (tak transitif)	199	100
2) <i>Muta'addī</i> (transitif)	0	0

Kajian mendapati 120 (59.41%) kata kerja pola *'infa'ala* bersifat *'ilājiy* manakala baki 82 (40.59%) kata kerja yang lain bersifat *ghayr 'ilājiy*. Hal ini menunjukkan bahawa penetapan ciri *'ilājiy* terhadap pola *'infa'ala* oleh ilmuwan tatabahasa Arab adalah kurang tepat kerana terdapat hampir separuh (>40%) daripada keseluruhan kata kerja pola tersebut bersifat *ghayr 'ilājiy* iaitu perbuatan yang tidak melibatkan pergerakan atau tidak boleh dilihat dengan mata kasar.

Jadual 6 : Kata kerja pola *'infa'ala* yang bersifat *'ilājiy* dan *ghayr 'ilājiy*.

Jenis kata kerja	Bilangan	Peratus (%)
1) <i>'ilājiy</i> (kata kerja boleh dilakukan dan mempunyai pergerakan atau boleh dilihat dengan mata kasar)	120	59.41
2) <i>Ghayr 'ilājiy</i> (kata kerja tidak melibatkan pergerakan atau tidak boleh dilihat dengan mata kasar)	82	40.59

7.0 Kesimpulan dan Cadangan

Bahasa Arab merupakan antara bahasa yang kaya dengan pola kata kerja. Para ilmuwan telah menyenaraikan lebih daripada 30 pola kata kerja yang wujud dalam bahasa Arab. Pola-pola yang pelbagai ini tidak lain dan tidak bukan adalah sebagai medium utama perkembangan makna di dalam bahasa. Pandangan-pandangan ilmuwan klasik tatabahasa Arab berkaitan pola-pola tersebut disandarkan kepada contoh-contoh yang sama dan berulang tanpa mengambil kira keseluruhan contoh-contoh yang ada bagi sesuatu pola. Hal ini menyebabkan terdapat pencirian-pencirian yang kurang tepat dan tidak menyeluruh. Oleh itu, analisa secara statistik terhadap kata kerja pola tertentu yang terdapat dalam kamus dilihat sebagai salah satu cara terbaik untuk menjelaskan ciri-ciri sebenar bagi pola-pola tersebut. Hal ini dibuktikan dengan kajian yang telah dijalankan terhadap kata kerja pola *'infa'ala* yang terdapat di dalam kamus *Mu'jam 'arabiy 'asāsiy* yang mendapati terdapat natijah yang berbeza dengan pendapat yang diutarakan oleh ilmuwan klasik tatabahasa Arab.

Selain itu, analisis secara statistik ini juga dilihat sebagai satu usaha yang dapat menyokong pendapat-pendapat ilmuwan terdahulu serta membantu perkembangan sesebuah disiplin ilmu dengan penemuan-penemuan baharu. Analisis statistik terhadap kata kerja yang terdapat di dalam kamus sama ada dengan pola atau kamus bahasa Arab yang lain amat digalakkan. Ia bukan sekadar membawa kepada perkembangan disiplin ilmu morfologi bahasa Arab bahkan ia mampu memberi kefahaman yang lebih jelas terhadap penuntut ilmu ini.

Rujukan

- 'Āṭif Fadl Muhammad. (2010). *Muqaddimah fī 'al-lisāniyyāt*. Dār 'al-masīrah, Amman, Jordan.
- 'Al- Raḍiy 'al-'Istarābāzī. (M 686H). *Šarh al-Šāfiyah 'Ibn al-Ḥājjib*. Dār al-Kutub al-'ilmiyyah, Beirut, Lubnan.
- 'Ašmūniy. (M 929H). *Šarh alfiyyah ibn Malik*. Dar al-Kutub al-ilmiyyah, Beirut, Lubnan.
- Abābanah, Y. (2016). *Al-Sarf Al-Arabiy Al-Tahliliy*. Irbid: Dar Al-Kitab Al-Thaqafiy.
- 'Abd Šabūr Šāhīn. (1982). *Fi 'ilm al-Lughah al-'ām*. Mu'assasah al-Risālah, Beirut, Lubnan.
- Al-Hamalāwī, A. (2012). *Shaz Al-'Urf fī Fann Al-Šarf*. Al-Quds li Al-Nashr wa Al-Tawzi'. 'Al-Jurjāniy. (M 186H). *Al-miftah fī al-sarf*. Muassasah al-risalah, Beirut, Lubnan.
- Al-Mubarrid. (M 285H). *Al-Muqtadab*. 'ālam al-Kutub, Beirut, Lubnan.
- Fawzī Ḥasan al-Šāyib. (1999). *Muḥāḍarāt fī al-Lisāniyyāt*. Wizārah al-Thaqāfah, Amman, Jordan.
- 'Ibn al-Ḥājjib. (M 646H). *Al-Šāfiyah fī 'ilmay tasrīf wa al-khatt*. Maktabah al-'ādāb, Kaheerah, Mesir.
- 'Ibn 'Aqīl. (M 769H). *Šarh 'Ibn 'Aqīl 'alā 'alfiyyah 'ibn Mālik*. Markaz al-risālah li al-dirāsāt wa tahqīq al-turath. Beirut, Lubnan.
- Ibn Jinniy. (M392H). *Al-Munsif*, Dar al-ihya' al-turath al-qadim, Beirut, Lubnan.
- 'Ibn 'Ufūr al-'Išbīlī. (M 669H). *Al-Mumti' fī al-Tasrīf*. Dār al-'āfāq al-Jadīdah, Beirut, Lubnan.
- Ibn Ya'īš. (M 643H). *Šarh al-Mufassal*. Dār al-kutub al-'ilmiyyah, Beirut, Lubnan.
- Mughālasah M. H. (2007). *Al-Nahw al-Syafi al-Syamil*. Dar al-Masīrah, Amman, Jordan.
- Muḥammad al-Khūlī. (2000). *Madkhal 'ilm Lughah*. Dār al-Falāh. Šuwayleh, Jordan.
- Muhammad Idris. (2014). *Analisis Al-Mizān Al-Šarfiy dalam Pembentukan Kata Kerja dan Kata Nama Muštaq Bahasa Arab*. Tesis Doktor Falsafah.
- Sībawayh. (M 185H). *Al-Kitāb*, Maktabah Khanji, Kaheerah, Mesir.
- Zaki, M. A. (2015). *Abniyah al-fi'l bayna al-ta'addī wa al-luzūm al-fi'l al-lāzim anmūzajan*. Majallah Kuliyah al-Asasiyyah li al-Ulum al-Tarbawiyah wa al-Insaniyyah, Jami'ah Babil, 682.